


**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
SIJIL PENGAJIAN AL-HADITH**

**MODUL II**

**HADITH-HADITH MENGENAI  
KEPIMPINAN & PEMERINTAHAN**

**JANUARI 2016**

**MASA : 1 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA PESERTA:**

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 3 halaman bercetak)

**Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja**

**SOALAN PERTAMA**

Soalan Pertama adalah berdasarkan hadith di bawah:

Daripada 'Ubadah bin Samit (r.a) daripada Nabi (s.a.w) bersabda: *"Akan wujud pemimpin-pemimpin yang disibukkan urusan-urusannya [sehingga] luputlah solat dari waktu yang ditetapkan bagi solat-solat tersebut. Maka jadikanlah solat kalian beserta mereka [pemimpin] kalian sebagai solat sunat (yakni, setelah mengerjakan solat-solat kamu pada waktunya)."* [Diriwayatkan oleh Ibn Majah]

- a) Jelaskan biodata perawi hadith di atas secara ringkas. (2 markah)
- b) Pilih teks terjemahan hadith di atas yang menepati teksnya dalam bahasa Arab di bawah: (6 markah)
- i. يُؤَخَّرُونَ الصَّلَاةَ
  - ii. نَطَّوْا
  - iii. تَشْغَلُهُمْ
- c) Apakah hukum asal lewat-lewatkan solat? (2 markah)
- d) Apakah hukum menunaikan solat bersama pemimpin yang lewat menunaikannya? (2 markah)
- e) Jelaskan maksud sabda nabi SAW: *"...Maka jadikanlah solat (fardhu) kalian bersama dengan mereka (pemimpin) sebagai solat sunnah."* (4 markah)
- f) Berdasarkan pandangan anda, huraikan **3 (TIGA)** langkah-langkah berhikmah dalam menegur para pemimpin dalam persoalan ibadah. (9 markah)

**[ 25 MARKAH ]**

## SOALAN KEDUA

Soalan kedua berdasarkan hadith di bawah;

عن مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ الْمُزَنِيِّ قَالَ : إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :  
مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتَرْعِيهِ اللَّهُ رَعِيَّةً يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ وَهُوَ غَاشٌّ لِرَعِيَّتِهِ إِلَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ  
الْجَنَّةَ (رواه مسلم)

- a) Jelaskan biodata perawi hadith di atas secara ringkas. (2 markah)
- b) Apakah makna potongan teks hadith di bawah; (6 markah)
- I. يَسْتَرْعِيهِ اللَّهُ رَعِيَّةً
  - II. حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ
  - III. وَهُوَ غَاشٌّ لِرَعِيَّتِهِ
- c) Apakah dosa yang dilarang oleh Nabi SAW dalam hadith di atas? (2 markah)
- d) Jelaskan **TIGA (3)** kepentingan kepimpinan yang menghayati tuntutan hadith di atas. (6 markah)
- e) Dalam konteks keselamatan dan keharmonian negara, huraikan **DUA (2)** contoh situasi yang membolehkan pemimpin menyampaikan maklumat yang tidak benar kepada rakyat. (6 markah)

[ 25 MARKAH ]

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

**MODUL II**

**HADITH-HADITH MENGENAI  
KEPIMPINAN & PEMERINTAHAN**

**OGOS 2016**

**MASA : 1 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA PESERTA:**

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 3 halaman bercetak)

**Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja**

**Soalan Pertama**

Sabda Nabi SAW: *“Daripada Abu Hurairah RA bahwa Nabi SAW telah bersabda: “Sesiapa yang mentaatiku maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah, dan sesiapa yang menderhakaiku maka dia telah mendehakai Allah. Sesiapa yang mentaati amir-amirku, maka dia telah mentaatiku, dan sesiapa yang menderhakai amir-amirku, maka dia telah menderhakaiku”* [Diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, al-Nasaie, dan Ahmad]

(1) Huraikan secara ringkas biodata perawi hadith di atas. (2 markah)

(2) Jelaskan secara ringkas maksud kalimah-kalimah penting di bawah:

(a) *“...amir-amirku...”*

(b) *“...menderhakai amirku-amirku...”*

(4 markah)

(3) Bincangkan bentuk ketaatan kepada Allah, Rasul, dan para pemimpin berdasarkan hadith di atas.

(6 markah)

(4) Berdasarkan ulasan muhaddithin, jelaskan apakah ciri-ciri *“..amir-amirku...”* seperti yang disabdakan Nabi SAW dalam hadith di atas?

(5 markah)

(5) Berdasarkan pandangan Islam, huraikan kaedah yang efektif bagi memupuk ketaatan kepada seorang pemimpin di kalangan rakyat berdasarkan

kumpulan sasaran di bawah:

- a) Pelajar sekolah
- b) Mahasiswa universiti
- c) Kakitangan awam
- d) Kakitangan swasta

(8 markah)

[ 25 Markah ]

**Soalan Kedua**

Daripada Jabir bin Abdillah bahawa Nabi SAW pernah bersabda kepada Ka'ab bin al-Ujrah: *"Semoga Allah melindungi kamu daripada imrah al-Sufaha'!"* Dia (Ka'ab) pun bertanya: *"Siapakah imarah al-Sufaha' itu?"* Sabda baginda SAW : *"Pemimpin-pemimpin yang datang selepasku yang tidak berpegang dengan hidayahku dan tidak mengamalkan sunnahku. Sesiapa yang mempercayai pembbohongan mereka ini dan membantu kezaliman mereka, itulah orang yang bukan dari golonganku, dan aku juga bukanlah dari golongan mereka dan mereka tidak akan diberi minum dari telagaku [di akhirat nanti]..."* (Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Bazzar)

(1) Huraikan biografi perawi di atas secara ringkas.

(2 markah)

(2) Jelaskan makna dan ciri-ciri *imarah al-Sufaha'* berdasarkan hadith di atas.

(6 markah)

(3) Apakah kesan mengabaikan pesanan Nabi dalam hadith di atas?

(3 markah)

(4) Huraikan **TIGA (3)** bentuk kesan kepemimpinan yang mengabaikan pesanan Nabi SAW dalam hadith di atas kepada rakyat?

(9 markah)

(5) Bincangkan **DUA (2)** langkah untuk menghindari kepemimpinan "al-Sufaha"

(5 markah)

**[ 25 Markah ]**